

**Diskaun tidak akan selesaikan masalah pencemaran air - MB Selangor**  
**Astro Awani**  
**21 Oktober 2020**  
**Hasimi Muhamad**

SHAH ALAM: Kerajaan negeri Selangor menyifatkan pemberian diskaun atau rebat kepada pengguna yang terjejas akibat gangguan air tidak akan dapat menyelesaikan masalah pencemaran yang berlaku di negeri itu.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, perbelanjaan itu sepatutnya digunakan untuk menghalang daripada kegiatan sama berulang.

“Ini seolah-olah kita menyerah kepada takdir bahawa pencemaran ini akan berlaku dan setiap kali pencemaran berlaku kita kena bayar pula kepada rebat dan sebagainya. “Ia tidak memutuskan tangan-tangan yang terpaksa mengaut air dan juga mengambil air setiap hari dan ia tidak terbayar dengan diskaun sebegitu rupa,” katanya dalam sidang media di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, kerajaan Selangor juga komited memastikan penguatkuasaan diperketatkan pada masa-masa akan datang.

Jelasnya lagi, sepanjang tempoh April hingga September, kerajaan negeri dan pihak berkaitan berjaya mengelakkan kejadian tersebut berlaku menerusi pemantauan 24 jam.

“Namun mutakhir ini kejadian pencemaran berulang-ulang berlaku dan ia adalah salah satu yang agak mendukacitakan.

“Kita perlu mempergiatkan proses kawalan kita. Kalau nak kata kita buat apa selama ini, kita buat 24 jam kawalan,” ujar beliau.

Kira-kira 1.2 juta akaun pengguna di tujuh daerah di Selangor menghadapi gangguan bekalan air tidak berjadual berikutan pencemaran sumber air mentah dikesan di Sungai Selangor pada pukul 2 pagi, Isnin lalu.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.  
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/diskaun-tidak-akan-selesaikan-masalah-pencemaran-air-mb-selangor-264568>